

Purata harga jualan gas asli ditetapkan pada RM30.03/MMBtu pada suku ketiga



09/07/2021 03:13 PM

KUALA LUMPUR, 9 Julai – Purata harga jualan gas asli untuk diguna pakai bagi Gas Malaysia Energy and Services Sdn Bhd (GMES) bagi Semenanjung Malaysia untuk suku ketiga dari 1 Julai, 2021, hingga 30 Sept, 2021, telah ditetapkan pada RM30.03 setiap satu juta unit terma British (MMBtu).

Purata harga jualan gas asli itu termasuk tarif pengangkutan sebanyak RM1.19 setiap MMBtu, pelepasan kos gas sebanyak RM0.62 setiap MMBtu dan tarif pengedaran sebanyak RM2.05 setiap MMBtu seperti yang diluluskan oleh Suruhanjaya Tenaga sebelum ini, menurut Gas Malaysia Bhd dalam makluman kepada Bursa Malaysia hari ini.

GMES adalah anak syarikat milik penuh Gas Malaysia.

“Gas Malaysia ingin menjelaskan bahawa semakan harga jualan ini tidak terpakai untuk jualan gas asli bagi kenderaan gas asli dan gas petroleum cecair yang dibekalkan dalam silinder gas atau secara pukal.

“Semakan harga jualan ini akan terus menyumbang secara positif kepada kedudukan kewangan syarikat bagi tahun kewangan berakhir 31 Dis, 2021,” katanya.

-- BERNAMA

